

## GARIS PANDUAN PERTANDINGAN ANUGERAH INOVASI JABATAN PERKHIDMATAN VETERINAR TAHUN 2024

**TARIKH : 23 – 24 APRIL 2024 (SELASA - RABU)**

**TEMPAT : BILIK TAYANGAN KPKM**

1. Para peserta dimohon untuk menepati masa mengikut jadual atur cara yang disediakan pihak urus setia semasa hari pendaftaran.
2. Slaid pembentangan terbaru (jika ada) perlu diserahkan kepada wakil urus setia semasa sesi pendaftaran bagi melancarkan perjalanan majlis.
3. Peserta yang bertanding diwajibkan mengikut format pertandingan (pembentangan) seperti yang berikut:
  - a) Slaid pembentangan adalah dihadkan kepada **10 slaid** sahaja
  - b) Setiap peserta diberi tempoh masa **10 minit** untuk menyampaikan pembentangan.
  - c) Loceng peringatan pertama akan dibunyikan dua kali kepada pembentang **2 minit** sebelum tamat masa pembentangan.
  - d) Loceng peringatan ketiga akan dibunyikan tiga kali kepada pembentang apabila masa telah tamat sepenuhnya.
  - e) Sesi soal jawab bersama panel juri sejurus tamat pembentangan selama **10 minit**.
4. Pembahagian markah yang digunapakai adalah seperti berikut:
  - a. Pembentangan/persembahan projek inovasi : **70%**
  - b. Soal jawab bersama panel juri : **30%**
5. Markah penjurian adalah muktamad dan tiga (3) Finalis akan bertanding di Konvensyen Program Pengembangan Veterinar & Hari Inovasi DVS 2024 bagi menentukan kedudukan pemenang di hadapan panel juri awam pada **13-16 Mei 2024 di Dewan Bankuet, UPM**